

Tewas di Anak Bukit bukan kerana Umno berpecah: PM

BH 22 JUL 2002

JITRA, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegagalan Barisan Nasional (BN) merampas semula kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit bukan disebabkan berpecahan dalam Umno Kedah.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kegagalan itu berpunca akibat kempen ganas yang dipraktikkan jentera pilihan raya Pas yang menyebabkan ramai pengundi tidak dapat melaksanakan tanggungjawab mereka.

Dr Mahathir berkata, Umno Kedah yang utuh, bersatu melaksanakan tugas dengan baik bagi merampas semula kerusi itu, tetapi mungkin mereka tidak berusaha bersungguh-sungguh kerana mereka bukan ahli parti yang fanatik seperti yang ada pada ahli dan jentera Pas.

Bagaimanapun, katanya, beliau akan berbincang dengan Perhubungan Umno Kedah berhubung strategi bagi memperkasakan Umno negeri, khususnya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Umno Kedah tidak berpecah. Mungkin mereka tidak bekerja keras kerana mereka bukannya ahli fanatik.

“Mereka bekerja dengan baik tetapi taktik kasar Pas

menakutkan ramai orang. Mereka tidak boleh bergerak...tidak dapat pergi ke pusat mengundi. Mereka takut.

“Saya yakin pengundi Cina tidak akan memberi undi kepada Pas pada masa akan datang. Mereka (Pas) akan menakut-nakutkan pengundi Cina dengan berkata kalau mereka keluar mengundi, akan berlaku kekacauan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pemimpin bersama rakyat sempena program K3P (Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca) anjuran Kementerian Penerangan di Institut Latihan Perindustrian (ILP), di sini hari ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Datuk Seri Sved Razak Sved Zain; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Ditanya mengenai dakwaan pemimpin Pas kononnya kemampuan parti itu mempertahankan Anak Bukit sebagai pengiktirafan pengundi terhadap dasar perjuangannya, Dr Mahathir berkata, ia adalah pengiktirafan terhadap taktik Pas yang menggunakan agama untuk kepentingan politik semata-mata.

“Mereka boleh dakwa macam itu, ia adalah pengiktirafan bagaimana mereka berjaya melunturkan nilai murni orang.

“Mereka berjaya menjadikan agama sebagai benda yang boleh dipermainkan-mainkan atau dipergunakan dengan mengikut cara yang mereka suka,” katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengucapkan ‘tahniah’ kepada pemimpin Pas kerana bukan mudah untuk membuatkan masyarakat Islam membelakangkan agama seperti yang dilakukan parti pembangkang itu.

Beliau berkata, meskipun BN berkali-kali memberi penjelasan mengenai perjuangan Pas yang terpesong daripada Islam, pengundi masih terpedaya dengan dakyah Pas akibat proses ‘brainwashing’ yang dilakukan pemimpin Pas terhadap kanak-kanak.

“Sejak kecil kanak-kanak disogok dengan penipuan hingga mereka tidak boleh membezakan antara yang baik dan buruk. Inilah fanatiknya orang Pas,” katanya.

Selain itu, Dr Mahathir mengakui, polis tidak menjangka kehadiran penyokong Pas yang terlalu ramai dari negeri lain, sekali

gus menyebabkan beberapa insiden seperti melontar batu dan mencuba mencederakan jentera BN, termasuk Shahidan.

Mengenai tindakan yang akan diambil terhadap pemimpin Pas yang menabur fitnah, Dr

Mahathir berkata, ia memerlukan bukti yang kukuh bagi memastikan mereka yang didakwa, tidak terlepas daripada dihukum.

Sehubungan itu, katanya, BN akan terus memberi penjelasan kepada rakyat kerana Pas bukan setakat menabur fitnah hanya pada waktu pilihan raya, malah sepanjang masa.

Ditanya mengenai dakwaan Pas, kononnya kemenangan BN di Parlimen Padang dibantu oleh media arus perdana, Dr Mahathir berkata, lidah rasmi Pas, *Harakah* tidak menyiarkan laporan yang benar kecuali menabur fitnah.

“*Harakah* cerita fitnah terhadap diri saya. Kononnya anak saya dapat gaji RM900,000 sebulan. Kononnya saya tak sembahyang subuh.

“Kenapa dia tak bagi layanan yang adil kepada kita sedangkan dia minta media arus perdana mesti buat macam itu?” katanya.